

Dari Sebulan ke Sebulan

Senator Aishah Ghani tatkala mempertahankan kedudukan gadis-gadis yang dapat dicumbui oleh pemuda-pemuda atau yang suka keluar mencari pasangan sendiri di antara lain berkata: “Gadis-gadis sekarang tidak dapat disalahkan. Mereka terdedah dengan berbagai pengaruh setiap hari.” Kemudian beliau menyebutkan buku-buku nafsu dan filem-filem lucu adalah di antara pengaruh-pengaruh yang mencandui jiwa gadis-gadis di zaman sekarang.

Kerajaan dengan cara tidak langsung, katanya tidak menyekat kemasukan buku-buku kuning yang menimbulkan nafsu dan tayangan filem-filem lucu di negeri ini. Di kedai-kedai buku banyak buku-buku lucu yang sama sekali tidak layak dibaca oleh anak-anak muda yang masih mentah. Banyak bercium dan berahi melalui filem-filem telah didatangkan masuk ke rumah masa ini melalui televisyen. Semuanya ini mesti disingkirkan, katanya. Selanjutnya ia menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin tidaklah harus pandai menyalahkan pemuda-pemudi itu sahaja tetapi hendaklah sanggup memimpin dan mendidik mereka supaya menjauhkan diri dari anasir-anasir lucu yang merosakkan moral itu dan menuntut kerajaan supaya menyekat kemasukan buku-buku kuning ke dalam negeri ini.

Benar sekali lagi benar, tetapi benar itu ada tetapinya. Senator Aishah Ghani tidak mendatangkan pertanyaan kepada kerajaan tentang kerja-kerja Kementerian Pemuda-pemudi dan Sukan yang terletak di bawah Dato’ Tengku Syed Muhsin. Ke mana umat Islam dibawa dan dialirkan oleh kerajaan patut Senator itu bertanya di Dewan Senat dan mendesak kerajaan mengalirkannya dengan jalan yang bersesuaian dengan dasar Perlembagaan iaitu agama Islam adalah menjadi

agama Malaysia dan kalau benar-benar dialirkan dengannya, dengan ajaran Islam kepada mereka dengan lebih mendalam *in shā-Allāh*, setapak demi setapak yang demikian dapat dihindarkan.

Apa kata Senator Aishah.

* * *

Telah teradat di dalam kehidupan sesuatu masyarakat perkara bimbang dan ragu-ragu selalunya membawa kerugian kepada sesuatu langkah. Kalau yang melangkahkannya itu pemimpin maka kerugian yang menimpa itu bukannya di atas pemimpin sahaja tetapi juga ke atas orang-orang yang dipimpinya. Menteri Pertahanan Indonesia, Tuan Nasution telah cuba dibunuh oleh komplotan Komunis yang jadi anak emas Sukarno. Apabila di dalam keadaan yang demikian Nasution dan rakan-rakannya dapat terlepas daripada bahaya itu maka mereka pun bertindaklah dan hiduplah semangat menentang Komunis tetapi “bapa angkat Komunis” Sukarno senyap seolah-olah sudah lemah kuasanya dan golongan Nasution melupakan “bajingan besar” itu yang sangat pandai memecah-mecahkan dan memujuk-mujuk dan kerana itu Nasution tidak begitu berkeras kepada Karno tetapi akhirnya Sukarno bertapak dan Nasution ditendangnya. Sekiranya Nasution melangkah tegas dari mulanya dahulu tentunya peristiwa membiarkan bajingan besar itu bermaharajalela tidak akan timbul. Inilah kesalahan yang kedua bagi Nasution yang tidak dapat dimaafkan.

* * *

Umumnya tidak ada orang yang tidak melihat bencana yang timbul dari pergaulan bebas di antara pemuda-

pemudi sama ada pemuda dari bandar ataupun pemuda-pemudi di kampung. Banyak sebab-sebab dikemukakan dan ditunjukkan dan banyak pula alim ulama yang membidas dengan hebat menyalahkan ibu bapa membiarkan anak-anak mereka; di antara bidasan-bidasan itu diucapkan oleh Pegawai Penerangan Agama Islam Negeri Perak, Ustaz Syeikh Hamzah Mu'ti yang di antara lain berkata: "Sebahagian besar anak-anak muda sekarang telah terbabas jauh dari ajaran-ajaran Islam sejati, sebaliknya mereka telah tergila-gila dan terpengaruh dengan ajaran-ajaran Barat." Beliau bimbang sekiranya ibu bapa tidak segera menyedarkan anak-anak muda mereka dari khayalan-khayalan sesat, kelak akan menimbulkan suatu kesan buruk dalam masyarakat Islam sendiri.

Persoalan ini, persoalan salah-menyalahkan dan membebankan kesalahan kepada ibu bapa kerana kerosakan moral itu tidak putus-putusnya timbul di dalam ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin kita. Tiap-tiap mereka telah berkata dan memerhatikan kemungkinan-kemungkinan yang timbul dari bahaya-bahaya yang sebagai arus tibanya dengan tidak dapat ditahan-tahan itu. Tetapi yang demikian hanya diperkatakan sahaja – tidak ada dicemari jalan atau ikhtiar untuk membendung arus moden yang mengalir dengan hebatnya itu. Sudahlah berkata-kata tetapi carilah ikhtiar, terutamanya jabatan-jabatan agama mengumpulkan orang-orang Islam yang mempunyai ghairah untuk berunding bagaimana bekerjasama menahan arus yang begitu deras datang menempuh masyarakat kita terutamanya pula "penghulu-penghulu" yang menjadi ketua arus yang mengalir itu daripada golongan kita yang memegang teraju dalam pemerintahan kita. Kalau sudah pemimpin-pemimpin kita berdedah-dedah minum arak, berdedah-dedah berjoget, berdedah-dedah *berdancing* dan seumpamanya bagaimana yang kecil-kecil akan dapat dikawal – mereka tentu mengikut arus yang dibawa oleh yang besar. Menjauhkan perkara ini bukannya perkara mudah dan bukan perkara seorang tetapi adalah tanggungjawab bersama. Kerana itu sebaik-baiknya orang-orang dalam jabatan agama dan orang ramai yang

ada ghairah keagamaannya berkumpullah bukan bagi menunjukkan kesalahan-kesalahan yang terjadi dalam masyarakat tetapi mencari jalan bagaimana ikhtiar-ikhtiar untuk memperbaiki masyarakat itu dengan menyusun cara-cara kerja yang boleh dilaksanakan dengan mudahnya.

* * *

"Rumah sudah pahat berbunyi" – kata pepatah yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas dan sentiasa berlaku di dalam masyarakat kita. Timbulnya persoalan-persoalan semacam ini kerap kali ada juga sebab-sebabnya disebabkan kerja-kerja yang dijalankan itu diselenggarakan dengan ikhlas dan jujur dan juga kadang-kadang kebaikan itu tidak mahu diterima kerana datangnya bukan daripada "awak" sendiri. Dato' Syed Ibrahim AlSagoff tatkala balik membawa hadiah daripada *al-Malik* Faisal – pada mulanya, dapat difahamkan, akan menyerahkan wang \$129,000 kepada Jamiyah untuk membina dan meluaskan lagi bangunan Jamiyah. Tetapi entah bagaimana, beliau menafikan bahawa wang itu bukan untuk bangunan Jamiyah. Begitulah berjalan bertahun-tahun lebih dan menimbulkan sangkaan wang itu mungkin akan digunakan kerana mendirikan sebuah bangunan khas bagi seluruh umat Islam. Tetapi di belakangan, wang itu diserahkan balik kepada Jamiyah untuk membina bangunannya dengan syarat yang dibuatnya sendiri – tidak dari yang empunya wang – dan kemudian dipersetujukan wang itu untuk Jamiyah – walhasil balik asal. Dan kerana sudah dijelaskan ada cita-cita hendak membuat bangunan Islam – orang-orang pertubuhan lain menuntut mengapa diberikan kepada Jamiyah – kerana dari perisytiharan itu mereka memandang ada "syer" di dalamnya. Ribut terjadi sebabnya... terpulung kepada pembaca memikirkannya...

* * *

(Sambungannya di muka 23)